

05 JAN 2004

S'pura-Malaysia

S'PURA MENARUH HARAPAN BESAR PADA LAWATAN SULUNG ABDULLAH

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 5 Jan (Bernama) -- Singapura menaruh harapan besar pada lawatan sulung Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke republik itu pada Isnin depan (12 Jan).

"Kami mengharapkan idea dan pendekatan beliau mengenai bagaimana kita boleh meninggalkan perkara-perkara yang silam dan menggerakkan hubungan dua hala ke depan," kata Menteri Luar Singapura Prof S. Jayakumar di Parlimen hari ini.

Ini merupakan lawatan sulung Abdullah ke negara pulau itu sejak mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas.

Perdana Menteri Malaysia itu juga dijadual mengunjungi Presiden Singapura S.R. Nathan dan Menteri Kanan Lee Kuan Yew. Abdullah juga dijangka melawat dua lagi negara Asean iaitu Indonesia dan Thailand pada bulan ini.

Menjawab soalan anggota Parlimen mengenai hubungan Malaysia-Singapura, Jayakumar menganggap hubungan dua hala republik itu bersama Malaysia sebagai berbilang hala "dan melampaui mana-mana satu perkara dua hala, sama ada jambatan atau isu-isu sukar yang timbul semasa pemerintahan Perdana Menteri Mahathir."

Jayakumar berkata Malaysia dan Singapura berkongsi hubungan sejarah, ekonomi, perdagangan dan sesama rakyat.

"Dan kedua-dua pihak perlu meningkatkan lagi hubungan ini, dan seperti yang anda telah baca akan pertemuan mereka di Tokyo, Perdana Menteri Goh dan Perdana Menteri Abdullah telah menekankan pentingnya memulihara hubungan dua hala yang baik," kata beliau.

Beliau berkata cabaran bagi kedua-dua pihak dalam era baru ini ialah untuk melihat cara-cara memulakan babak baru dalam hubungan dua hala, "di mana kita boleh menekankan pada kerjasama dua hala, bekerjasama demi kepentingan Asean, dan untuk melakukan semua ini tanpa dihantui oleh isu-isu era sebelum ini."

"Ya, terdapat isu-isu daripada era lama yang perlu ditangani,

tetapi  
kita perlu mencari jalan untuk menanganinya tanpa mengambil laluan  
pertikaian seperti sebelum ini," kata Menteri itu.

Hubungan kedua-dua negara jiran itu seringkali menjadi tegang  
ekoran  
beberapa isu seperti harga air yang dijual oleh Malaysia kepada  
republik  
itu, satu cadangan jambatan baru menghubungkan kedua-dua negara dan  
penggunaan ruang udara Malaysia oleh pesawat Singapura.

Tanpa membuat spekulasi mengenai isu-isu untuk dibincangkan oleh  
kedua-dua pemimpin dalam pertemuan mereka itu nanti, Jayakumar  
berkata:

Kami sudah pasti bersedia membincangkan isu-isu yang Perdana Menteri  
Abdullah Ahmad Badawi mungkin mahu bangkitkan dan mendengar apa-apa  
cadangan yang mungkin beliau kemukakan."

"Saya rasa yang lebih penting ialah Singapura mahukan hubungan  
baik  
dengan Malaysia. Dan saya pasti Perdana Menteri Goh dan Perdana  
Menteri  
Abdullah Ahmad Badawi akan membincangkan isu-isu dalam cara positif  
dan  
menghala ke depan seperti dalam pertemuan sulung mereka di Tokyo,"  
kata  
Menteri itu.

Jayakumar berkata beliau percaya kedua-dua pihak boleh terus  
mencari  
jalan untuk bekerjasama demi manfaat bersama.

Semalam di Johor Baharu Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed  
Hamid  
Albar dipetik sebagai berkata tiada agenda telah ditetapkan bagi  
pertemuan  
bersama Goh.

"Tidak akan ada had bagi isu-isu. Satu-satunya halangan, yang  
mungkin,  
ialah masa yang terhad memandangkan ia hanya lawatan sehari," kata  
Syed  
Hamid.

-- BERNAMA

SS PR